

07/06/2003

Operasi berjaya: Norian (HL)

Wan Esuriyanti Wan Ahmad

PUTRAJAYA: Operasi membanteras penjualan cakera padat video (VCD) lucah dan cetak rompak selama dua minggu sehingga esok, berjaya menumpaskan industri haram itu, kata Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai.

Beliau berkata, berdasarkan maklumat yang diperolehnya, polis yakin sasaran yang ditetapkan dalam tempoh dua minggu itu dapat melumpuhkan penjualan VCD berkenaan.

"Hasil serbuan yang dilaksanakan, hampir kesemuanya berjaya. Ini meyakinkan bahawa sasaran yang ditetapkan akan tercapai sehingga Ahad ini," katanya selepas majlis penyerahan surat setuju terima dan menandatangani kontrak bagi projek mini Kementerian Dalam Negeri di Perak,

perumahan Pasukan Gerakan Am Kinarat di Sabah dan Pasukan Simpanan Persekutuan Cheras, di sini semalam.

Sebelum ini, Norian mengarahkan semua Ibu Pejabat Polis Kontinjen negeri membanteras aktiviti penjualan VCD cetak rompak dan lucah dalam tempoh dua minggu bermula 26 Mei lalu.

Arahan itu dikeluarkan kepada semua Bahagian Siasatan Jenayah Perdagangan selepas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mahu aktiviti tidak bermoral itu dihentikan segera.

Kelmarin, Polis Diraja Malaysia (PDRM) melancarkan operasi bersepadu besar-besaran di seluruh negara dalam usaha membanteras pengedaran VCD cetak rompak dan lucah, mesin slot, pelacuran dan kemasukan warga asing di negara ini.

Operasi itu tertumpu di premis tetap yang dipercayai dijadikan stor oleh pengedar VCD sebelum mengedarkannya kepada pelanggan.

Norian mengakui sebahagian besar kegiatan VCD cetak rompak dan lucah tertumpu di Lembah Klang berbanding negeri lain.

"Daripada serbuan yang telah dijalankan, kawasan Lembah Klang didapati memiliki kegiatan paling besar berbanding negeri lain," katanya.

Kelmarin Polis Kontinjen Kuala Lumpur berjaya menumpas satu sindiket pengedaran VCD lucah terbesar di ibu kota yang membabitkan RM1.45 juta.

Sementara itu, Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Chor Chee Heung, ketika ditemui pada majlis yang sama berkata, kementeriannya akan tetap menyerbu kediaman yang disyaki mempunyai VCD lucah dengan syarat pihak penguat kuasa mempunyai maklumat lengkap bahawa kediaman itu memiliki bahan berkenaan.

Malah, katanya, waran polis tidak diperlukan untuk menggeledah mana-mana kediaman atau premis lain yang disyaki kerana penguat kuasa mempunyai kuasa berbuat demikian.

"Namun, kita tidak akan membenarkan pegawai penguatkuasa menyalahgunakan undang-undang atau kuasa yang ada hanya untuk menyerbu kediaman orang.

"Jika betul-betul ada maklumat bahawa kediaman atau premis berkenaan mempunyai begitu banyak sekali VCD lucah, baru boleh buat operasi," katanya ketika ditanya sama ada Kementerian berkenaan masih tetap meneruskan operasi menyerbu kediaman dalam usaha membanteras gejala itu.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebelum ini, mengarahkan Kementerian itu mengkaji semula operasi menyerbu kediaman supaya tidak menimbulkan sebarang implikasi perundangan atau mengganggu hak peribadi individu.

Arahan itu dibuat selepas laporan muka depan Berita Harian Selasa lalu, yang memetik Ketua Unit Penguat Kuasa Zon Tengah KDN, Mamat Ibrahim sebagai berkata, KDN akan memulakan operasi menyerbu premis kediaman yang disyaki mempunyai VCD lucah sebagai langkah terbarunya membendung pengedaran VCD berkenaan.

Mereka yang didapati bersalah boleh dikenakan tindakan mahkamah mengikut Sekyen 5, Akta Penapisan Filem 2002 membabitkan denda antara RM10,000 hingga RM50,000 atau penjara sehingga lima tahun.

Chor berkata, sehingga kini, Kementerian itu masih belum membuat sebarang serbuan ke kawasan kediaman dalam mana-mana operasi mereka untuk membanteras VCD lucah.

Katanya, operasi Kementerian kini lebih banyak tertumpu kepada pihak pengilang, pengedar dan penjual yang tidak memperoleh Sijil A (kebenaran masuk VCD asing ke negara ini) dan Sijil B (penapisan filem).

Beliau berkata, rampasan atau tindakan undang-undang juga boleh dikenakan kepada pelancong atau rakyat Malaysia yang membawa masuk bahan lucah, di setiap pintu masuk negara.

"Kita tengok kuantitinya. Jika hanya satu atau dua VCD dan majalah, kita akan hanya merampas bahan itu tanpa mengenakan tindakan undang-undang," katanya sambil menambah pihak berkuasa juga menapis setiap bahan yang masuk melalui pos.

Beliau berkata, kementeriannya akan memastikan industri penjualan VCD lucah tidak akan berulang selepas operasi besar-besaran dibuat kini, dengan menjalankan penguatkuasaan secara berterusan sepanjang tahun.